

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

Februari 1998

HHT 222/HHT 302 - Seni Lukis Moden Malaysia

Masa: 3 jam

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI
DALAM DUA (2) HALAMAN.**

Jawab **TIGA (3)** soalan. Sila tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Fahamam umum mengenai seni lukis moden Malaysia ialah kemunculannya adalah terbitan seni lukis moden Eropah. Namun begitu fahaman yang sama juga mengiktirafkan kewujudan unsur-unsur tempatan dalam seni lukis Malaysia. Bincangkan masalah-masalah dalam memahami seni lukis moden Malaysia dengan merujuk kepada seni lukis Barat. Bagaimanakah sejarah dan perkembangan seni lukis Barat boleh menyumbang kepada pemahaman seni lukis moden Malaysia? Apakah kepentingan 'konteks' sejarah tempatan, yakni sosio-budaya, ekonomi dan politik, dalam mendekati sejarah dan perkembangan seni lukis moden Malaysia?
2. Seni lukis moden Malaysia mendapat pembentukan awalnya daripada pengalaman penjajahan Barat, khususnya Inggeris. Dalam pemahaman anda bagaimanakah ini berlaku? Apakah faktor-faktor yang harus dipertimbangkan?
3. 'Pendekatan figuratif' begitu popular sebagai idiom kreatif di kalangan pelukis dan peminat seni lukis moden Malaysia. Pada pendapat anda, kenapakah ianya begitu? Bagaimanakah anda mentafsirkan istilah 'moden' di sini?

4. Ramai yang berpendapat bahawa seni lukis moden telah meluputkan kesenian tradisional tempatan. Apakah pendapat anda?
5. Kegiatan 'Angkatan Pelukis SeMalaysia' (APS), lazim dikaitkan dengan semangat nasionalisme. Pada pendapat anda, sejauh manakah semangat ini tercermin dalam karya dan 'estetik' APS? Apakah yang boleh difahami sebagai 'nasionalisme' di sini?
6. Teori lukisan moden Clement Greenberg begitu berpengaruh dalam mendekati lukisan abstrak di Barat, khususnya di Amerika Syarikat. Pada pendapat anda, sejauh manakah teori ini boleh digunakan untuk memahami 'pendekatan abstrak' dalam perkembangan seni lukis di Malaysia?
7. Bagaimanakah lukisan batik boleh difahami sebagai satu usaha untuk memberi 'identiti' kepada seni lukis moden Malaysia?
8. Istilah 'kontemporari' telah dikemukakan untuk membezakan 'seni lukis moden' daripada apa yang dihasilkan oleh pelukis dalam konteks pengalaman 'pos-modern' dan 'pos-kolonial'. Jelaskan pemahaman anda dan bincangkan.

- 0000000-